NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#21

30 Mei 2024 – 5 Jun 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Jangan Berdalih Tunjuk Bantahan Kepada Israel 2
Mengemudi Tekanan Perdagangan Dengan AS..... 4
79% Calon SPM 2023 Hanya Sekadar Lulus..... 7
Malaysia Berdepan Isu Pembiayaan Pesara 10
Negara Maju Menipu Pembiayaan Iklim 12
Impak Negatif Kes Rasuah Berprofil Tinggi..... 14

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Jangan Berdalih Tunjuk Bantahan Kepada Israel

- Terdapat dalam laporan media menyatakan bahawa Malaysia akan menyertai satu **latihan ketenteraan maritim antarabangsa** yang turut disertai oleh Israel. Latihan yang dikenali sebagai Rim of the Pacific 2024 atau RIMPAC 2024 dijadualkan berlangsung di Kepulauan Hawaii dari 26 Jun sehingga 2 Ogos 2024. Selain Malaysia, ia akan melibatkan Israel dan 27 lagi negara lain.
- Penyertaan Malaysia dalam latihan ini **mendapat tentangan** dari sekurang-kurangnya 15 pertubuhan bukan kerajaan (NGO), iaitu BDS Malaysia, Forum Profesional Muslim, Muslim Care Malaysia, Viva Palestina Malaysia, Yayasan Quds Malaysia dan Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (Centhra).
- Mereka berpendapat ia sebagai tanda penentangan terhadap sikap Israel yang mengabaikan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada Januari dan Mac serta resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menggesa gencatan senjata.
- Perdana Menteri ketika memberi reaksi terhadap gesaan ini berkata Malaysia perlu bertindak dengan berhati-hati dan tidak didorong oleh sentimen kemarahan.
- Beliau menyatakan sikap kerajaan MADANI hari ini **lebih keras** berbanding dengan kerajaan yang terdahulu dalam isu bantahan terhadap Israel. Namun apa yang dikhuatiri, kerajaan tidak konsisten dalam menyatakan tentangan terhadap Israel.
- Kerajaan Malaysia seperti masih "malu-malu" untuk bertegas mengecam Israel. Banyak peristiwa yang menunjukkan sikap kerajaan Malaysia ini, antaranya **penolakan usul di Parlimen** supaya kerajaan membawa usul bagi

mengheret Israel dan Benjamin Netanyahu sebagai Penjenayah Perang ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC).

- Selain itu, Malaysia turut membenarkan **pembekal senjata utama** kepada rejim Zionis iaitu Lockheed Martin dan BAE System hadir Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia (NATSEC Asia) 2024.
- Turut menjadi tanda tanya tentang sikap Malaysia terhadap Israel ialah isu kapal kargo milik syarikat Israel yang dikesan berlepas dari Malaysia. Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Iskandar mengakui yang beliau telah menerima aduan penduduk yang prihatin yang mendakwa pelabuhan di Johor masih menerima masuk kontena yang dibawa dari Israel.
- Walaupun pada mulanya dinafikan dengan tegas oleh PMX, namun kenyataan YAB TPM yang mengarahkan siasatan segera seolah-olah mengiyakan asas dakwaan ini.
- Terbaru, isu pemilikan saham dalam aset strategik negara, MAHB oleh syarikat Global Infrastructure Partners (GIP) yang dimiliki syarikat Blackrock, sebuah syarikat yang berkepentingan dengan Israel. Ternyata, rakyat sangat keliru kerana ketika kerajaan mendakwa sangat keras menentang Israel, pelbagai tindakan bertentangan dilakukan oleh kerajaan PMX.

RUJUKAN

- https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/05/30/withdraw-from-rimpac-exercise-over-israels-participation-ngos-tell-govt/
- https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/31/pm-anwar-urges-caution-on-calls-for-malaysias-withdrawal-from-us-led-maritime-exercise/137486
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1224103/malaysia-kecam-serangan-udara-israel-ke-atas-bantuan-kemanusiaan-di

Mengemudi Tekanan Perdagangan Dengan AS

- Amerika Syarikat melalui Setiausaha Perbendaharaan bagi Keganasan dan Perisikan Kewangan, Brian Nelson dan Peguam Besar Perbendaharaan Neil MacBride telah menghantar mesej kepada pentadbiran Perdana Menteri Anwar Ibrahim untuk **menyekat saluran dana kepada Iran** dan proksinya selain perbincangan pelaksanaan sekatan dan kawalan eksport terhadap Rusia.

- Ini berikutan wujudnya kebimbangan yang menyatakan Malaysia mungkin bertindak sebagai penyalur dana ke Iran dan sekutu-sekutunya seperti Hamas. Walaupun begitu, pihak kerajaan Malaysia menekankan bahawa bantuan kewangannya ini **ditujukan kepada badan kemanusiaan** seperti badan bukan kerajaan (NGO) yang terpilih di Gaza, dan tidak bertujuan untuk menyokong Hamas sebagai organisasi pengganas.

- Terkini, Amerika Syarikat telah mengenakan sekatan terhadap syarikat pembuatan semikonduktor Malaysia, **Jatronics Sdn Bhd** kerana didakwa membekalkan komponen elektronik penting ke Rusia.

- Jatronics dikatakan membekalkan komponen yang antaranya termasuk item Tahap 1 pada **Senarai Item Keutamaan Tinggi Biasa** Jabatan Perdagangan AS. Item Tier 1, menurut laporan Al-Jazeera, merujuk kepada barangan "yang paling membimbangkan kerana peranan kritikal mereka dalam pengeluaran sistem senjata berpandu tepat canggih Rusia, akibat kekurangan pengeluaran domestik Rusia, dan pengeluar global yang terhad."

- Namun, laporan tersebut menyatakan bahawa pegawai AS masih tidak dapat mengesahkan sama ada komponen yang dihasilkan oleh Jatronics benar-benar digunakan dalam membangunkan peralatan ketenteraan Rusia.

- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI) dalam maklum balasnya, menjelaskan bahawa Jatronics Sdn Bhd bukanlah

pengeluar semikonduktor tetapi hanya syarikat perdagangan yang berurusan dalam jual beli semikonduktor.

- Bukan itu sahaja, MITI juga telah menguatkuasakan Pengurusan Perdagangan Strategik (STM) melalui Akta Perdagangan Strategik (STA) 2010 untuk mengawal eksport barangan strategik. STM mengkehendaki syarikat-syarikat pengeksport dan mereka yang terlibat dalam rantaian bekalan untuk mengambil tindakan yang perlu untuk mengetahui beberapa maklumat penting seperti destinasi akhir, pengguna akhir, dan penggunaan produk. Walau bagaimanapun, Jatronics tidak didaftarkan di bawah STM atau mana-mana permit yang diperlukan.
- Tambahan pula, Rusia tidak disenaraikan oleh Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai **senarai terhad atau terlarang**. Jadi secara tidak langsung, Rusia tidak tertakluk di bawah STA 2010. Justeru, dakwaan terhadap pengeluar semikonduktor Malaysia adalah tidak tepat dan perlu dibersihkan.
- Daripada isu-isu di atas, kita harus berdiri teguh dengan kebijaksanaan dan peraturan perdagangan kita sendiri, terutamanya dalam menghadapi tekanan daripada negara lain seperti Amerika Syarikat.
- Dalam konteks ini, Malaysia mesti berusaha **membebaskan ekonomi daripada terikat** dengan kepentingan kuasa-kuasa besar. Kita harus yakin dengan kedudukannya sebagai negara berkecuali dan tidak mudah tunduk kepada keputusan unilateral negara lain yang mungkin tidak selaras sepenuhnya dengan kepentingan domestik atau antarabangsa Malaysia. Ini penting untuk menjaga kedaulatan negara dan memastikan kestabilan ekonomi dalam hubungan perdagangan global.


RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/dunia/amerika/2024/05/1242568/pegawai-perbendaharaan-ke-singapura-malaysia-bincang-sekatan

- https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/06/03/us-slaps-sanctions-on-malaysian-semiconductor-firm/
- https://www.nst.com.my/news/nation/2024/06/1058876/report-us-imposes-sanctions-malaysian-semiconductor-company-watch

79% Calon SPM 2023 Hanya Sekadar Lulus

- Di sebalik kegembiraan meraikan kejayaan 11,713 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 mendapat semua A, kerajaan digesa supaya mengambil perhatian serius kepada statistik yang menunjukkan hampir 79% calon **hanya mendapat keputusan lulus minimum** dan ke bawah.
- Menurut laporan SPM dikeluarkan Kementerian Pendidikan (KPM), seramai 278,700 daripada 383,685 calon memperoleh keputusan sekurang-kurangnya lulus, sekurang-kurangnya gagal satu mata pelajaran, semua gagal, atau lain-lain kombinasi.



- KPM turut mendedahkan, seramai 10,160 calon didapati **tidak hadir** bagi menduduki peperiksaan tersebut pada tahun lalu selain 24,228 calon mendapat keputusan **gagal dan tidak layak mendapat sijil** SPM meskipun telah menghabiskan masa kira-kira 12.5 tahun belajar di sekolah.
- Keputusan ini secara tidak langsung mencerminkan keadaan pendidikan negara masih ada kelompangan dan perlu kepada penambahbaikan yang segera bagi mengelakkan situasi menjadi lebih rumit untuk diselesaikan kelak.

- Keadaan ini juga bakal memberi kesan jangka panjang terhadap pengurusan sumber manusia kerana kumpulan terbabit **tiada kelayakan minimum** bagi melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terutama dalam program ikhtisas seperti perubatan, kejuruteraan atau teknologi maklumat.
- Isu jumlah pelajar yang ramai tidak hadir bagi menduduki peperiksaan SPM juga adalah sesuatu yang tidak sewajarnya berlaku dan boleh dielakkan melalui kerjasama berbagai pihak. KPM telah menyediakan pelbagai akses dan kemudahan bagi pelajar dapat menduduki peperiksaan, maka tiada alasan untuk pelajar gagal hadir bagi menjawab peperiksaan.
- Sesetengah pelajar juga ada yang terpengaruh dengan kata-kata para pempengaruh di media sosial yang menggambarkan **sijil pendidikan adalah tidak penting**, malahan kejayaan dalam hidup masih boleh diraih meskipun gagal dalam peperiksaan. Ini menyebabkan sesetengah pelajar tidak memandang serius terhadap pelajaran dan peperiksaan SPM.
- Jumlah 79 peratus calon yang hanya mendapat keputusan lulus minimum ini akhirnya akan menjadi cabaran getir buat negara untuk memastikan kelangsungan proses pendidikan kepada mereka. Ada juga cadangan daripada pakar-pakar akademik dan tokoh politik agar mereka ini dipujuk **menyambung pelajaran dalam pendidikan TVET**.
- Namun, pada tahun lalu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merekodkan lebih kurang 300,000 pelajar lepasan SPM **tidak mahu melanjutkan pelajaran** di mana-mana institusi pendidikan dalam negara. Sebahagian daripada mereka hanya cenderung menyertai sektor ekonomi gig dalam industri e-hailing dan p-hailing yang menjanjikan pulangan pendapatan yang mudah dan cepat.
- Di samping itu, Bank Dunia menerusi laporan bertajuk 'Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills' pada April lalu mendedahkan keadaan membimbangkan tentang sistem pendidikan Malaysia dan

mencadangkan agar negara segera berusaha menangani isu sistemik serta memastikan perbelanjaan pendidikan diterjemahkan kepada penambahbaikan yang ketara untuk semua pelajar.

- Antara isu yang diberi perhatian dalam laporan ini termasuk akses dan kualiti pendidikan prasekolah, melaksanakan penilaian pembelajaran dan menyediakan pembangunan profesional berterusan untuk guru berdasarkan amalan terbaik antarabangsa.
- Justeru, di sebalik kita merasa bangga dengan kejayaan ramai pelajar mendapat keputusan cemerlang dan semua A dalam peperiksaan SPM tahun yang lalu, ada pelbagai cabaran besar sedang membelenggu pendidikan negara. Cabaran ini menuntut kerjasama semua pihak serta perlu merentasi fahaman politik dan bangsa agar masa depan anak-anak pelajar di negara ini terpelihara.


RUJUKAN

- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/06/02/hampir-75-calon-sekadar-lulus-atau-gagal-kpm-perlu-bertindak-segera/
- https://malaysiagazette.com/2024/05/27/10160-pelajar-tidak-hadir-duduki-peperiksaan-spm-2023/#google_vignette
- https://www.sinarharian.com.my/article/269192/berita/nasional/300000-lepasan-spm-tidak-mahu-sambung-belajar

Malaysia Berdepan Isu Pembiayaan Pesara

- Data daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menunjukkan satu daripada empat individu **mengeluarkan duit simpanan mereka dan menghabiskannya** dalam tempoh lima tahun.
- Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, data agensi kerajaan itu juga mendapati ramai rakyat Malaysia tidak dapat mengekalkan taraf hidup yang munasabah semasa bersara serta keperluan untuk mengurus diri semasa lanjut usia. Malahan kajian turut mendapati 26.1% responden berumur 60 tahun ke atas akan **terus bekerja sehingga menghadapi masalah kesihatan**.
- Ini sekali gus menunjukkan satu rangka kerja pencen dan persaraan perlu dilakukan bagi memastikan keselamatan kewangan dan ekuiti untuk semua rakyat Malaysia berikutan trend penggunaan duit simpanan pesara di negara kita.
- Lebih mengejutkan lagi, hanya 29% rakyat Malaysia mempunyai pencen atau pendapatan seperti pencen semasa bersara. Perkara ini bakal menjejaskan segolongan besar rakyat Malaysia untuk jangka masa panjang kerana Malaysia dijangka beralih daripada **negara menua kepada negara tua** dengan 14% penduduk berusia 65 tahun ke atas dalam tempoh 23 tahun.
- Perdana Menteri bersetuju satu penyelesaian baharu diperlukan dalam memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dan setiap lapisan masyarakat. Begitu juga keperluan untuk **memperluaskan perlindungan KWSP** secara berfasa supaya lebih ramai rakyat Malaysia pada usia bekerja akan menjadi sebahagian daripada ekosistem KWSP sekali gus mempunyai simpanan persaraan mencukupi untuk hari tua mereka.
- Namun melihat kepada penstrukturan semula akaun KWSP baru-baru ini yang memperkenalkan **Akaun Fleksibel** yang boleh dikeluarkan pada bila-bila

masa, sudah pasti kumpulan wang simpanan pencarum akan digunakan sebelum dari waktu persaraan dan memberi kesan kepada mereka apabila bersara.




- Kerajaan perlu melakukan reformasi terhadap sistem pencen dan skim perlindungan KWSP pesara dengan kadar yang segera untuk menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia juga perlu melihat kemungkinan akan datang bahawa KWSP tidak seharusnya menjadi satu-satunya simpanan tunggal persaraan.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/668175/berita/nasional/tiba-masa-rangka-kerja-pencen-persaraan-di-reformasi---pm
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/05/11/akaun-3-kwsp-apa-kesannya-dalam-hidup-rakyat-malaysia/

Negara Maju Menipu Pembiayaan Iklim

- Analisis yang dijalankan oleh Center for Global Development (CGD) melaporkan, peningkatan sekitar US$27 bilion daripada US$94.2 bilion dalam dana iklim awam pada tahun 2022 merupakan **bantuan pembangunan sedia ada**. Hal ini berlaku meskipun tanggapan umum berharap negara maju sepatutnya menyediakan pembiayaan iklim (climate finance) yang bersifat "baharu dan tambahan".



- Negara-negara kaya berada dalam tekanan untuk segera meningkatkan **perbelanjaan iklim di global selatan**. Pada COP29 tahun ini kelak, semua pihak mesti bersetuju dengan sasaran iklim yang baharu yang akan mengumpulkan sejumlah dana bertrilion dolar yang negara global selatan perlukan.

- Sasaran US$100 bilion dana iklim telah ditetapkan semasa COP15 di Copenhagen pada tahun 2009 yang bertujuan untuk **membantu negara-negara membangun** mengurangkan pembebasan karbon dan melindungi mereka daripada impak perubahan iklim.

- Sekumpulan negara-negara maju termasuk negara Eropah, Amerika Syarikat, Kanada, Jepun dan Australia bersetuju untuk mencapai nilai US**$100 bilion menjelang tahun 2020** dan kemudian pada setiap tahun sehingga 2025. Namun, mereka gagal untuk mencapai sasaran tersebut pada tahun 2020 dengan hanya mengumpulkan dana berjumlah US$83.3 bilion.
- Apabila OECD melaporkan bahawa sasaran US$100 bilion telah tercapai pada tahun 2022, 69% daripada dana iklim awam tersebut sebenarnya **diberikan dalam bentuk pinjaman**, walhal terdapat banyak negara selatan global sudah bergelut dengan hutang.
- Sesetengah negara seperti UK telah memilih untuk mencapai sasaran iklim mereka dengan "redirecting" atau "relabelling" dana sedia ada sebagai "climate finance", sekali gus gagal melaksanakan komitmen untuk memberi dana baharu dalam jumlah yang mencukupi.
- Menurut Harjeet Singh, Pengarah Libat Urus Global di *Fossil Fuel Non-Proliferation Treaty Initiative*, negara maju mengambil kesempatan 'perakaunan kreatif' (creative accounting) untuk mencapai sasaran mereka. Ketiadaan **definisi pembiayaan iklim** yang tuntas ini disebabkan negara maju sering menetapkan tanggungjawab kewangan mereka secara samar-samar.
- Tidak dinafikan, komitmen kewangan yang besar amat diperlukan untuk memudahkan negara-negara membangun termasuk Malaysia untuk melaksanakan usaha adaptasi dan mitigasi perubahan iklim. Apabila negara maju cuba mengelak daripada mengambil tanggungjawab, ini mengakibatkan jurang kepercayaan terus melebar yang sepatutnya perlu dipupuk.

RUJUKAN

- https://www.carbonbrief.org/rich-countries-met-100bn-climate-finance-goal-by-relabelling-existing-aid/

Impak Negatif Kes Rasuah Berprofil Tinggi

- Rasuah merupakan satu masalah serius yang menggugat integriti dan kestabilan sesebuah negara. Pelbagai kes rasuah telah dilaporkan di bandaraya ini, melibatkan pegawai kerajaan dan sektor swasta.
- **Bekas Datuk Bandar Johor Bahru**, Datuk Adib Azhari Daud, telah didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas 12 pertuduhan menerima rasuah dengan nilai keseluruhan RM1.55 juta. Kesalahan ini dikatakan berlaku antara tahun 2020 hingga 2021. Datuk Adib Azhari, yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), didakwa menerima suapan berjumlah antara RM10,000 hingga RM250,000 bagi setiap transaksi.
- Tiga **pegawai Jabatan Imigresen Johor** dan dua orang awam direman kerana disyaki meminta dan menerima rasuah untuk menyeludup warga asing masuk melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Kes ini menunjukkan bagaimana rasuah boleh merosakkan sistem kawalan imigresen dan memberi ruang kepada aktiviti jenayah merentasi sempadan.
- Dua pegawai atasan sebuah **syarikat pembekalan air di Johor** telah ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima rasuah sebanyak RM3.3 juta. Penahanan itu berikutan siasatan atas beberapa aduan sekitar 2023, di mana suspek telah menerima wang rasuah daripada pemilik dua syarikat kontraktor sebagai balasan membantu syarikat berkenaan memperoleh kerja-kerja perkhidmatan dan pembekalan daripada syarikat pembekalan air berkenaan.
- Jumlah ketirisan akibat kegiatan sindiket penyeludupan membabitkan beberapa anggota **Jabatan Kastam Diraja Malaysia** di Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang mencecah RM2 bilion bagi tempoh tiga tahun lepas. Seramai 34 anggota penguatkuasa dan 27 individu

serta pemilik syarikat ditahan menerusi Ops Samba 2.0 kerana melindungi dan memudahkan aktiviti penyeludupan sindiket tersebut.

- Mengikut Laporan Tahunan SPRM 2022, sebanyak 575 kes telah dibawa ke mahkamah untuk mendakwaan. Pertuduhan dipecahkan mengikut 6 kategori iaitu penjawat awam (296 kes), swasta (127 kes), syarikat berkaitan dengan kerajaan (12 kes), politik, pertubuhan awam (26 kes) dan orang awam (114 kes).
- SPRM juga mendedahkan jumlah ketirisan yang dihadapi oleh negara telah mencecah **RM277 bilion dalam tempoh lima tahun** iaitu dari 2018 hingga 2023. Angka ini adalah sangat membimbangkan kerana ketirisan akan mengurangkan kadar kutipan cukai negara yang sepatutnya digunakan bagi membangunkan negara.
- Amalan rasuah perlu ditangani dengan serius bagi membendung kesan negatif yang signifikan terhadap pembangunan negara. Ia akan mengakibatkan pengagihan sumber yang tidak cekap dan merugikan ekonomi. Wang yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan diselewengkan, mengurangkan pelaburan dan merencatkan pertumbuhan ekonomi negara.
- Kes rasuah secara tidak langsung akan **menghakis kepercayaan rakyat** terhadap kerajaan dan institusi awam. Apabila pemimpin terlibat dalam rasuah, keyakinan terhadap kecekapan dan integriti sistem pentadbiran terjejas, menyebabkan ketidakstabilan politik dan sosial.
- Rasuah **menjejaskan imej negara** di peringkat antarabangsa, menyukarkan usaha menarik pelaburan asing dan pelancong, yang seterusnya menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.
- Rasuah **mencipta ketidakadilan sosial** apabila golongan berkuasa dan kaya boleh melanggar undang-undang tanpa tindakan sewajarnya, sementara

golongan miskin terus tertindas dan tidak mendapat hak mereka. Ini memperlebar jurang antara kaya dan miskin.

- SPRM telah memainkan peranan penting dalam membendung rasuah. Peranan tersebut termasuklah aspek penguatkuasaan, pencegahan, pendidikan, dan kerjasama antarabangsa. Dengan pendekatan yang komprehensif ini, SPRM berusaha untuk memastikan integriti dan keadilan dalam masyarakat Malaysia, sekali gus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan dan institusi awam.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/666186/berita/nasional/sistem-e-invois-lhdn-jawab-dakwaan-ka-siong
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lhdn-tak-cadang-lanjut-tempoh-kuat-kuasa-einvois-beri-pendidikan-kepada-pks-468564



1st SEACOFSS

SOUTHEAST ASIA CONFERENCE ON FOOD SECURITY AND SUSTAINABILITY

THEME:

"Nourishing Futures: Sustainable Food Security with Climate-Smart Solutions"

Extension date 16 JUN !

DATE 17 & 18 NOVEMBER

VENUE HOTEL PERDANA KOTA BHARU

ORGANIZER

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

COLLABORATION

Universiti Malaysia KELANTAN

BEST ORAL PRESENTER will be awarded to each theme !

We are open for bulk registration.

SUBMISSION AT:

https://tinyurl.com/abstractsubmissionseacofss2024

FURTHER INFO:
https://www.seacofss.com

https://www.facebook.com/seacofss

SCOPE & SUB-THEMES

- Climate Change And Food Security Policy Sustainable
- Technology And Digitalization Agricultural Economics
- Climate Change And Disaster Management
- Food Safety And Nutrition
- Logistics And Food Supply Chains
- Environmental Economics
- Environmental Management
- Energy Transition
- Competitive Food Industry

PUBLICATION

1. Selected papers will be published indexed journals:
   - Jurnal Kejuruteraan (UKM)
   - Journal Of Sustainability Science And Management (UMT)
2. All accepted papers will be published in SEACOFSS 2024 Proceeding with ISSN.

CALL FOR PAPERS!

IMPORTANT DATES (2024)

30 June : Abstract acceptance notification
28 July : Early bird registration deadline
8 September : Registration deadline

2 ZERO HUNGER | 7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY | 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE | 12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION | 13 CLIMATE ACTION | 17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

Hanisah (+6013-980 5362) | hanisah@yslestari.org.my
Dr Norazuwana (+603-8911 8528) | norazuwanashaari@ukm.edu.my
Program Email | info@seacofss.com

PENCARIAN
PENULIS E-MAJALAH NEXUS+

EDISI KE-2

TEMA PENULISAN



KELEBIHAN

- ✓ Nilai tambah portfolio dalam resume
- ✓ Idea/karya akan dijadikan rujukan umum
- ✓ Kredit nama dalam penerbitan majalah dengan perakuan pendaftaran e-ISSN

TERMA DAN SYARAT

1. Artikel mestilah ditulis sama ada dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris**.
2. Teks hendaklah ditulis dalam fon **Arial**, dengan **saiz 14 untuk tajuk**, saiz **12 untuk perenggan, *justify*** dan **1.5 jarak perenggan**.
3. Jumlah perkataan untuk artikel hendaklah di antara **600-700 patah perkataan**, tidak termasuk tajuk, maklumat pengarang, rujukan dan sebarang lampiran.
4. Semua artikel yang dihantar **hendaklah mengikut tema** yang ditetapkan.
5. **Rajah boleh dikepilkan (jika perlu)** dan kapsyennya mestilah diletakkan di bahagian bawah imej (tengah).
6. Jadual (jika perlu) dan kapsyennya mestilah diletakkan di atas jadual.
7. Artikel hendaklah dihantarkan kepada emel: **penyelidik@yslestari.org.my**.

TARIKH TUTUP: 23 JUN 2024

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Yayasan Strategik Lestari
www.yslestari.org.my

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**